

# Tenaku Mahmud kekal, Zaid

BH 15 APR 2011

KUALA LUMPUR: Sebahagian lagi bahagian Umno menyelesaikan mesyuarat perwakilan masing-masing semalam. Ada ketua bahagian, timbalan dan ketua pemuda menang tanpa bertanding, tetapi tidak kurang juga yang tewas di tangan muka baru.

Di Setiu, Datuk Dr Tengku Mahmud Mansor, mengekalkan jawatannya Ketua Umno Bahagian Setiu, selepas menang tanpa bertanding pada mesyuarat bahagian, semalam.

Bekas Naib Ketua Umno Bahagian, Mohd Jidin Shatie, memenangi jawatan Timbalan Ketua Umno Bahagian itu, menggantikan Datuk Mohd Ghazali Mamat yang melepaskan jawatan.

Mohd Yusof Majid, seorang peguam yang juga muka baru dalam ahli jawatankuasa Umno bahagian memenangi Ketua Pergerakan Pemuda Bahagian Setiu selepas menewaskan bekas Ketua Pergerakan Pemuda Bahagian, Adli Kasah dengan kelebihan 29 undi.

Jawatan Naib Ketua Pergerakan Pemuda Bahagian disandang Fahami Zakaria selepas menewaskan Mohd Fauzi Musa dengan majoriti 115 undi.

Sementara itu, Wan Maznah Wan Nong, memenangi jawatan Ketua Pergerakan Wanita Umno Bahagian itu dengan menewaskan Khalijah Awang,

dengan majoriti 98 undi.

Di Kota Bharu, peguam, Zaid Ibrahim dipilih sebagai Ketua Umno Bahagian Kota Bharu dalam mesyuarat perwakilan bahagian itu, malam semalam.

Zaid adalah Ketua Umno Cawangan Khatib Ali Selatan menana tings terhadap penyandang jawatan itu, Datuk Ahmad Rastom Ahmad Maher.

Zaid yang sebelum ini dua kali mencabar jawatan itu, kali ini mendapat 134 undi manakala Ahmad Rastom yang mempertahankan jawatannya sejak tiga penggal, kali ini memperoleh 130 undi.

Bagi jawatan Timbalan Ketua Umno bahagian itu, penyandang Datuk Fatmi Che Salleh berjaya mempertahankan jawatannya dengan menewaskan pencabar Ilani Isahak. Fatmi memperoleh 140 undi manakala Ilani yang juga bekas anggota Parlimen Kota Bharu mendapat 123 undi.

Bagi jawatan Naib Ketua Umno bahagian itu, penyandang Datuk Wan Abdul Ghani Wan Yusuf mengekalkan jawatan dengan menewaskan pencabarnya Nawi Mamat.

Sementara itu, jawatan Ketua Pemuda Umno Bachok yang dikosongkan Zaiyaidi Awang Noh, dimenangi Mohd Zain Yasin yang memperoleh 128 undi

menewaskan pencabarnya, Mohd Dasran Daud, memperoleh 104 undi.

Manakala Ketua Wanita bahagian itu, Zahrah Abdul Rahim menang tanpa bertanding bagi jawatan itu.

Di Marang, Ketua Pergerakan Pemuda Umno Bahagian Marang Tengku Zainuddin Tengku Zahid mengekalkan jawatan itu apabila menewaskan pencabarnya Mohd Shukri Razib pada mesyuarat perwakilan pergerakan pemuda bahagian itu di sini semalam.

Tengku Zainuddin memperoleh 172 undi manakala Mohd Shukri mendapat 112 undi. Roslan Ngah pula mengekalkan jawatan Naib Ketua Pemuda setelah menewaskan dua pencabar, Rodzi Mohamad dan Zaidi Ibrahim.

Di Dungun, Senator Rosli Mat Hassan, dipilih sebagai Ketua Umno Bahagian Dungun, manakala Awang Jabar timbalannya, yang diputuskan secara kompromi dalam mesyuarat agung perwakilan bahagian itu, semalam.

Jawatan naib ketua dimenangi oleh Zakaria Abdullah, mengalahkan Shafei Daud, dengan kelebihan 21 undi.

Sebelum ini Ketua Umno Bahagian Dungun, disandang oleh bekas Exco kerajaan negeri, Datuk Syed Omar Mohamad.

Jawatan Ketua Pergerakan Pemuda dimenangi Din Adam, naibnya Szali

## menang di Kota Bharu

Abas, manakala Zaliha Long masih kekal sebagai ketua wanita, masing-masing menang tanpa bertanding.

Di Alor Star, Dua muka baru menerajui kepemimpinan Pergerakan Pemuda Umno Bahagian Kuala Kedah dan Sik dalam persidangan tahunan perwakilan Pemuda bahagian masing-masing, semalam.

Bagi iawatan Ketua Pemuda Bahagian Kuala Kedah, bekas Naib Ketua Pemuda bahagian, Abdul Mutalib Haron yang memperoleh 117 undi menewaskan pencabarnya, Zainal Alam Abu Bakar (90 undi).

Jawatan Naib Ketua Pemuda Bahagian Kuala Kedah dipegang Syed Zainuzman Syed Yahya yang menang tanpa bertanding.

Bekas Ketua Pemuda Bahagian Kuala Kedah, Halim Said, tidak mempertahankan jawatan kerana lebih usia.

Seorang lagi muka baru dalam kepimpinan Pemuda, Saparudin Han&ah menang tanpa bertanding bagi iawatan Ketua Pemuda Bahagian Sik selepas pencabarnya, Ismail Haron, menarik diri menjelang persidangan tahunan perwakilan Pemuda bahagian.

Penyandang jawatan itu sebelum ini, Hamlan Din, tidak mempertahankan jawatan bagi memberi laluan kepada muka baru.

Jawatan Naib Ketua Pemuda Bahagian Sik pula dimenangi Mahathir Ismail dengan undi majoriti 41 berbanding Nasir Ramli (83 undi).

Sementara itu, pemilihan Umno Bahagian Merbok menyaksikan Mahmud Omar yang memperoleh 224 undi mengekalkan jawatan Timbalan Ketua Umno bahagian dengan menewaskan Mejar (B) Anuar Hamid dengan undi majoriti sebanyak 62.

Naib Ketua Umno Bahagian Merbok pula dimenangi penyandang jawatan, Tajul Urus Mohd Zain dengan memperoleh 229 undi, menewaskan Dr Ismail Daut yang memperoleh 163 undi.

Ketua Umno Bahagian Merbok, Datuk Arzmi Hamid menang tanpa bertanding.

Sementara itu, Ketua Wanita Bahagian Kuala Kedah, Datuk Rokiah Zainuddin mengekalkan jawatan tanpa dicabar.

Di Georgetown, Mesyuarat Perwakilan Umno Bahagian Bukit Bendera semalam berjalan lancar tanpa sebarang kejadian yang tidak diingini apabila semua lima jawatan penting dimenangi tanpa sebarang pertandingan.

Persidangan bermula dengan pengkalan jawatan Ketua Umno Bahagian Bukit Bendera iaitu Senator Datuk Ahmad Ismail yang terus dipilih untuk

menerajui bahagian itu.

Ahmad seorang usahawan memegang jawatan Ketua Bahagian itu sejak 1989. Bagi jawatan Timbalan Ketua Bahagian pula, tempat yang kosong dengan pengunduran Azmi Iskandar Merican kini disandang oleh calon tunggal, Ishak Hamid, yang menang tanpa bertanding.

Begitu juga dengan jawatan Ketua Pergerakan Pemuda Umno Bahagian Bukit Bendera yang dikosongkan oleh Mohd Ismail Mohd Othman atas fakta umur, kini diambilalih oleh Ahmad Salim Abdul Bari.

Persidangan yang diadakan di Hotel Gurney itu dihadiri oleh 157 perwakilan dari 24 cawangan dengan dua wakil dari Badan Perhubungan Negeri, Datuk Ibrahim Saad dan Datuk Mohd Zain Omar.

Sementara itu, Ketua Pergerakan Wanita Umno Bahagian Bagan dan Naibnya kekal menyandang jawatan masing-masing apabila menang dalam pertandingan dua penjur, petang semalam.

Ketuanya, Jumabi Mohamad menang dengan kelebihan 78 undi menewaskan Salhah Ismail, manakala Che Jam Mydin pula terus menduduki kerusi Naib Ketua Wanita apabila memperoleh undi sebanyak 104, menewaskan pencabarnya, Fatimah Sirat.